

06 MAR 1997

Afrika-Majlis

MAHATHIR, MANDELA LANCAR MAJLIS PERNIAGAAN MALAYSIA-AFRIKA SELATAN

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela dijadual bersama-sama melancarkan Majlis Perniagaan Malaysia-Afrika Selatan (MSABC) Sabtu ini.

Majlis perniagaan bersama itu untuk menggalak dan membangunkan hubungan perniagaan antara kedua-dua negara akan dilancarkan pada Forum Afrika Selatan-Malaysia kedua di Hotel Istana di sini.

Kedua-dua pemimpin itu akan melancarkan plak perasmian MSABC untuk menandakan pelancarannya.

Mandela, yang mengetuai rombongan seramai 115 anggota, termasuk beberapa pemimpin industri, tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan lima hari.

Pengerusi jawatankuasa sementara MSABC Bob Harvey berkata penubuhan majlis itu adalah petanda mengenai mustahaknya mengembangkan lagi hubungan perniagaan antara Afrika Selatan dan Malaysia.

Harvey berkata kira-kira 250 ahli perniagaan Afrika Selatan kini mempunyai pejabat di Malaysia, sebahagian besarnya tiba dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini.

"Mereka mewakili pelbagai spektrum perniagaan, daripada kejuruteraan sivil, elektronik dan telekomunikasi, pembinaan, pembuatan dan perdagangan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Nilai dagangan antara Malaysia dan Afrika Selatan berjumlah RM883 juta pada 1995 dengan eksport Afrika Selatan ke Malaysia bernilai RM388 juta.

Majlis itu, antara lain, akan mengadakan misi dagangan bagi anggotanya di antara kedua-dua negara dan Asean, menggalakkan perhubungan dan perbincangan dengan tokoh-tokoh perniagaan dan menganjurkan seminar dan taklimat mengenai perdagangan dan pelaburan.

Harvey berkata MSABC akan melancarkan kempen menambah anggota dan akan mengadakan satu majlis di sini pada 25 Mac untuk anggota dan bakal anggota.

Beliau berkata orang perseorangan, syarikat dan pertubuhan yang berminat untuk menjadi anggota boleh menghubungi MSABC dengan menelefon 03-262-5311. -- BERNAMA

ES AKD